

TALKING POINTS
YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

DI MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN 1MOT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
16 JUN 2015 (SELASA)

YBhg Datuk Dr. Ismail bin Haji Bakar

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan

YBhg. Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengangkutan

Ketua-Ketua Jabatan/ Agensi,

Setiausaha-Setiausaha Bahagian,

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pengangkutan/ Jabatan/ Agensi

Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan, seluruh warga Kementerian Pengangkutan dan Jabatan serta agensi di bawah Kementerian Pengangkutan yang dikasihi dan dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia;

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua warga MOT dan Jabatan serta agensi di bawah MOT yang hadir pada perhimpunan bulanan kali ini. Penghargaan saya kepada Bahagian Udara selaku penganjur Perhimpunan Bulanan 1MOT untuk Bulan Jun 2015.

TRAGEDI GEMPA BUMI SABAH

2. Pada 5 Jun 2015, Negara telah dikejutkan dengan kejadian gempa bumi berukuran 6.0 magnitud yang berlaku di Ranau, Sabah. Tragedi tersebut telah meragut 18 nyawa yang terdiri daripada warganegara Malaysia, Singapura, Jepun, China dan Filipina. Selain itu, gempa bumi ini turut menyebabkan kerosakan harta benda kepada rakyat Malaysia serta memberi kesan kepada industri pelancongan Negara.
3. Oleh itu, saya bersama-sama dengan warga MOT dan Jabatan agensi di bawahnya menzahirkan rasa simpati kepada kepada keluarga yang ditimpa malang. Marilah kita bersama-sama mendoakan agar mereka bersabar menghadapi bencana yang tidak disangka itu.
4. Selain itu, saya turut merakam penghargaan kepada pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam usaha mencari dan menyelamatkan mangsa tragedi tersebut, terutamanya para “malim gunung” yang merupakan *unsung heroes* yang telah menggadaikan nyawa meredah kawasan yang berisiko tinggi demi membantu usaha mencari dan menyelamatkan tersebut.
5. Saya amat tersentuh dengan sikap prihatin dan semangat perpaduan yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia dalam menghadapi tragedi ini dan mengalu-alukan sebarang usaha menyalurkan sumbangan doa serta bantuan daripada agensi dan jabatan kepada mangsa yang terjejas.
6. Dalam menghadapi situasi yang menyedihkan ini juga, kita seharusnya bersyukur kerana tragedi ini telah menjadi membuktikan rakyat negara ini bersatu hati ketika dilanda bencana dengan menyumbang bakti murni bagi mengurangkan penderitaan tanpa mengira kewarganegaraan, keturunan, agama dan budaya. Semoga semangat dan sikap positif itu terus dipupuk, dijana dan dikembangkan untuk menjadi amalan dan budaya kita dalam menghadapi cabaran di masa akan datang.

PELAN TRANSFORMASI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

7. Pada Pembentangan Bajet 2014 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah menegaskan bahawa Kerajaan akan melaksanakan pelan transformasi di setiap kementerian bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan supaya kekal relevan.
8. Bagi menyahut saranan YAB Perdana Menteri tersebut, MOT telah membangunkan Pelan Transformasi MOT yang mengandungi perincian mengenai Teras Strategik dan juga Inisiatif Strategik.
9. 5 Teras Strategik dan Inisiatif yang bakal dilaksanakan oleh Kementerian adalah seperti berikut:
 - i. Teras 1: **Mendaya Upaya Bakat**
 - ii. Teras 2: **Merekayasa Organisasi**
 - iii. Teras 3: **Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan Awam**
 - iv. Teras 4: **Memperluas Jaringan Kerja Dan Kolaborasi Strategik Dalam Dan Luar Negara**
 - v. Teras 5: **Membudayakan Patriotisme, Nilai-nilai Murni, Etos Dan Integriti**
10. Berdasarkan 5 teras yang tersebut di atas, Kementerian telah dan bakal melancarkan pelbagai inisiatif termasuk;
 - i. ***Future Star*** bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan berterusan;
 - ii. ***Strategic Partnership*** dengan institusi pengajian tinggi awam (IPTA)/ institusi pengajian tinggi swasta (IPTS)/Lain-lain Institusi/ Badan Profesional Di Dalam Atau Luar Negara (MOT - IPTA/ IPTS *Strategic Partnership*);

- iii. **SOP Pelaksanaan Dan Pemantauan Projek/ Aktiviti** dalam memastikan proses pemilihan projek yang lebih telus dan sistem pemantauan projek yang lebih cekap;
 - iv. **Transport Showbiz** bagi meningkatkan kesedaran mengenai industri pengangkutan di kalangan orang awam; dan
 - v. **MyCom(Certificate of Competency)** untuk memastikan pengendali bot memiliki perakuan kekompetenan dan memastikan keselamatan pengendali bot dan penumpang diberi keutamaan
11. Malah, Kementerian Pengangkutan dalam usaha mengtransformasikan cara bekerja telah penglibatan orang awam dengan mendapatkan pandangan serta maklumbalas mereka berhubung penubuhan Lembaga Keselamatan Pengangkutan Malaysia (*Malaysia Transport Safety Board*) atau MTSB. Menggunakan laman web serta saluran media sosial kementerian dan MIROS, sambutan yang diperolehi begitu menggalakkan. Ini perlu bagi memastikan semua perancangan yang dibuat mengambilkira pandangan semua pihak bagi menzahirkan perkhidmatan yang menyeluruh dan terangkum.
12. Pelan Transformasi ini tidak akan mencapai hasilnya tanpa sokongan padu daripada warga MOT. Oleh itu, saya menyeru agar semua warga MOT termasuk Jabatan serta agensi untuk bersamasama mengembleng tenaga dalam merealisasikan Pelan Transformasi Kementerian Pengangkutan ini dalam usaha kita untuk merakyatkan perkhidmatan serta memberi perkhidmatan yang efisien dan mesra pelanggan. Ini seterusnya akan dapat melestarikan pembangunan serta peningkatan sektor pengangkutan Negara.

SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA (MALAYSIAN AVIATION COMMISSION)

13. Dalam meningkatkan dan memperkukuh industri penerbangan awam negara, terutama dalam aspek *economic regulation*, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission* – MAC) akan ditubuhkan pada bulan Ogos 2015 dan berfungsi sebagai badan kawal selia ekonomi bebas bagi industri penerbangan awam negara.
14. Suruhanjaya Penerbangan ini akan bertanggungjawab dalam mengalakkan persaingan berkesan dalam industri penerbangan awam melalui cara yang menguntungkan, cekap dan adil serta menjadi mekanisme bagi perlindungan pengguna yang mana pengguna boleh mendapatkan akses kepada produk dan perkhidmatan yang bermutu pada harga berpatutan selain membantu penyelesaian aduan pengguna.
15. Selain itu, Suruhanjaya Penerbangan ini juga akan menggubal peraturan-peraturan berkaitan perlindungan pengguna termasuk jenis pampasan yang perlu dibayar kepada pengadu sekiranya aduan tersebut didapati berlaku dan berasas.
16. Secara ringkasnya, Suruhanjaya Penerbangan ini akan mengambilalih fungsi Bahagian Udara, MOT dan DCA seperti berikut:
 - (i) Pemberian Lesen Perkhidmatan Udara (*Air Service Licence* – ASL);
 - (ii) Pemberian Permit Perkhidmatan Udara (*Air Service Permit* – ASP);
 - (iii) Pemberian Lesen Pengendalian Darat (*Ground Handling License*);
 - (iv) Pemberian Lesen Pengendali Aerodrom (*Aerodrome Operator Licence*);
 - (v) Penetapan caj-caj aeronautikal (seperti *Passenger Service charge* (PSC), caj keselamatan, caj pendaratan dan pemakiran);

- (vi) Mengurus dan mentadbir hak trafik; dan
 - (vii) Mengurus dan mentadbir laluan obligasi perkhidmatan awam (*public service obligation route*)
17. Walau bagaimanapun, ini tidak bermaksud MOT dan DCA tidak lagi terlibat dalam pengurusan hal – hal berkaitan penerbangan udara. Sebaliknya, perkara-perkara yang melibatkan dasar dan polisi industri penerbangan Negara masih di bawah tanggungjawab MOT. Manakala aspek-aspek teknikal dan keselamatan akan terus dikawalselia dan dikuatkuasakan oleh pihak DCA selaras dengan piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organisation* (ICAO) dari masa ke semasa.
18. Di samping itu, Suruhanjaya Penerbangan yang bakal ditubuhkan sebagai entiti di bawah MOT akan menjadi *compliment* kepada usaha Negara dalam membangunkan industri penerbangan awam negara.

ISU KESELAMATAN SEKTOR PENGANGKUTAN

19. Mutakhir ini kita sering dikhabarkan dengan pelbagai insiden yang melibatkan keselamatan pengangkutan bukan sahaja di atas jalanraya malah dalam sektor-sektor udara dan maritim. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada semua agensi pelaksana Kementerian terutama Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Laut, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan MIROS dapat menambahbaik rangka kerja langkah keselamatan masing-masing bagi mengelakkan perkara-perkara seperti ini berulang.

PEGAWAI BARU KEMENTERIAN PENGANGKUTAN, MAKLUMAN PEGAWAI BERTUKAR KELUAR/DALAMAN

20. Seperti sedia maklum, setiap bulan Kementerian bakal menerima kakitangan dan pegawai lantikan baru yang ditempatkan atau ditukarkan masuk ke Kementerian ini. Oleh itu sukacita saya

menyampaikan ucapan selamat datang kepada kakitangan-kakitangan dan pegawai – pegawai ini dan mengharapkan agar mereka dapat menjalankan tugas – tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan dengan amanah, beretika dan berhemah.

21. Selain itu juga, pada bulan Mei dan Jun ini kita telah dan bakal mengucapkan selamat tinggal kepada beberapa orang pegawai dan kakitangan MOT yang bersara wajib. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada para Pegawai yang meninggalkan kementerian samada bertukar ke Jabatan lain mahupun yang bersara wajib.
22. Oleh itu, saya ingin mengucapkan setinggi – tinggi terima kasih kepada mereka atas sumbangan mereka selama ini. Adalah menjadi harapan saya, supaya jawatan-jawatan kosong ini diisikan dengan segera bagi memastikan kelancaran proses kerja di Kementerian. Dalam hubungan ini, Saya juga berpandangan adalah wajar Kementerian memberi peluang kepada pegawai-pegawai yang menunjukkan kecemerlangan bagi mengisi kekosongan tersebut. Inisiatif seperti ini akan mengekalkan *subject matter expert* (SME) untuk terus berkhidmat di Kementerian ini di samping akan dapat membakar semangat pegawai-pegawai Kementerian yang lain untuk terus menabur bakti di MOT.

HARAPAN SAYA

23. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pagi ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Bulan Ramadhan Al-Mubarak yang bakal tiba kepada warga MOT dan Jabatan di bawah agensi MOT yang beragama Islam.
24. Semoga cabaran yang bakal dilalui pada bulan yang akan datang dapat mengukuhkan lagi perpaduan serta menjadi pembakar semangat kepada semua warga MOT dan JPJ untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Sekian, terima kasih.

16 Jun 2015